

Headline **Penjenamaan semula**
Date **20 Nov 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Supplement**
Journalist **Md Fuzi Abd Lateh**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **162 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,483**
PRValue **10,450**



Penjenamaan semula

Selamatkan nasib pembeli hartanah dilelong bank, terbiar di Prima Beruntung

Md Fuzi Abd Lateh

BUKIT BERUNTUNG: Kawasan perumahan 'hambar' Prima Beruntung, di sini, bakal bertukar wajah menjadi semakin ceria dan maju tidak lama lagi.

Ejen Pengurusan Pesuruhjaya Bangunan Hulu Selangor, Ahmad Abu Bakar (*gambar*), berkata program penjenamaan semula Prima Beruntung itu diadakan bertujuan menyelamatkan nasib pembeli yang semakin dihipit masalah setelah hartanah mereka terpaksa dilelong bank dan terbiar tidak digunakan sepenuhnya.

Katanya, sebanyak 960 unit pangsapuri di situ diselenggarakan Syarikat Sinar Suria Enterprise bagi dimajukan kawasan penempatan baru yang dikendalikan pula Yayasan Gabungan Membangun Insan Fikrah dan Tenaga (Gift) Malaysia.

"Kami bersyukur melalui kerjasama dengan yayasan itu yang bermurah hati mengambil pendekatan terbaik memajukan kawasan ini dengan memperkenalkan skim amal jariah termasuk wakaf semua kediaman daripada pemiliknya.

"Yayasan itu akan mengadakan Pusat Perbandaran

Islam dengan membina penempatan anak yatim, ibu tunggal, saudara baru, remaja terlanjur dan bekas pesakit Aids terbesar di Malaysia mulai tahun depan," katanya.

Perasmian program disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang Kali, Mohd Isa Abu

Kasim.

Hadir sama, Jurutera Majlis Daerah Hulu Selangor, Abd Wahab Abd Hamid dan Pengerusi Gift, Datuk Dr Abdul Razak Kechik.

Pada majlis sama, lebih 50 pemilik hartanah di situ hadir mendapatkan sesi kaunseling masalah perumahan mereka.

